



12 JAN, 2024

Kastam akan perkenal Anugerah Wira dan Wirawati

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Kastam akan perkenal Anugerah Wira dan Wirawati

KUALA LUMPUR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) buat kali pertamanya akan mengadakan Anugerah Wira dan Wirawati Kastam sempena sambutan Hari Kastam Sedunia pada 22 dan 23 Januari ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga kastam.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) JKDM Ribuan Abdullah berkata anugerah tersebut akan disampaikan kepada pegawai dan anggota kastam menerusi penilaian oleh satu jawatankuasa berdasarkan kriteria-kriteria tertentu sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Beliau berkata, sambutan Hari Kastam Sedunia bakal diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ribuan berkata demikian ketika menjadi tetamu program Ruang Bicara- Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-42 terbitan Bernama TV, malam kelmarin.

Sementara itu, Ribuan berkata JKDM merampas hampir 10 tan pelbagai dadah sepanjang tahun lepas di seluruh negara dengan anggaran nilai RM370 juta.

Menurutnya, ini termasuk rampasan dadah berbahaya jenis fentanyl di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 1 Disember lepas.

“Dadah jenis fentanyl ini kesannya 10 kali lebih kuat daripada dadah heroin, kebiasaannya dadah jenis ini digunakan sebagai ubat bius di hospital,” katanya.

— Bernama



12 JAN, 2024

Kastam akan perkenal Anugerah Wira dan Wirawati

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) buat kali pertamanya akan mengadakan Anugerah Wira dan Wirawati Kastam sempena sambutan Hari Kastam Sedunia pada 22 dan 23 Jan uari ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga kastam.